

**ADUN Sarawak Diminta Lebih Objektif Dalam Peranan Memajukan Negeri – Taib Bernama**  
**23 Mei, 2012**

KUCHING, 23 Mei (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Sarawak perlu lebih objektif dalam memainkan peranan memajukan negeri ini supaya mencapai status maju menjelang 2020, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Negeri berkata masih terdapat Adun yang kurang jelas mengenai falsafah dan konsep pembangunan ekonomi yang dilaksanakan, termasuk rasional pelan pembangunan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (Score).

Abdul Taib berkata demikian ketika menggulung perbahasan bagi kementerianya pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, Rabu.

Dalam memberi penjelasan mengenai dasar pembangunan ekonomi Sarawak, beliau berkata pelan berkenaan mesti disokong dan didokong oleh segenap lapisan masyarakat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668151>